

Naib Canselor Terima Kunjungan Hormat Secretary General ASAIHL

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 25 Oktober 2010 18:17

Kepada: UUM - All Staff, UUM All Student

25 OKTOBER 2010 / 17 ZULKAEDAH 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Naib Canselor Terima Kunjungan Hormat Secretary General ASAIHL



UUM ONLINE: Naib Canselor, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak menerima kunjungan hormat Secretary General The Association of Southeast Asian Institutions of Higher Learning (ASAIHL), Dr. Ninnat Olanvoravuth, ketika lawatan rasminya ke Bangkok, baru-baru ini.

Mustafa yang juga merupakan Ahli Lembaga ASAIHL dan UUM sebagai wakil Malaysia dalam pertubuhan itu memulakan pertemuan dengan membincangkan isu hubungan dua hala serta kerjasama yang boleh dilakukan antara kedua-dua belah pihak pada masa akan datang.

Kunjungan hormat berkenaan diadakan di Grand Diamond Hotel, Pratunam, Bangkok, Thailand yang turut dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Hisham Dzakiria dan Mohd Khairy Muktaruddin.

Mustafa berkata, dalam pertemuan itu, Dr. Ninnat memohon penglibatan UUM secara aktif dalam seminar anjuran ASAIHL di Hanoi, Vietnam pada 11 hingga 13 Disember 2010 dan Keuka College, New York, Amerika Syarikat pada Jun tahun hadapan.

"UUM akan membentangkan *Country Report* dan juga bakal menghantar Institutional Panel dalam kalangan Profesor universiti ini untuk menyertai seminar itu," katanya.

Beliau berkata, dalam pertemuan itu juga, Secretary General ASAIHL bersetuju melantik UUM menjadi sekretariat menerbitkan journal ASAIHL iaitu *Paper for ASAIHL Journal of Higher Education* yang mana pastinya dapat memberi manfaat dan impak yang besar dalam bidang pengajian tinggi di Malaysia, rantau ini dan seluruh dunia.